



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Jalan Tun Abdul Razak

30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000

Faks : 605 527 7273

Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPk.SPK.KOKU600-3/1/11 (43)

Tarikh : 4 Jamadilawwal 1441H

31 Disember 2019

YBhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim
Pengerusi Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor

YBhg. Dato' Sri,

**KEBENARAN MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED – LEARN & EARN"
DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT)
UNTUK SEKOLAH DI NEGERI PERAK**

Sukacita saya merujuk perkara di atas. Surat YBhg. Dato' Sri, M/2019/11/5 bertarikh 27 November 2019 dan surat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43) bertarikh 22 November 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak YBhg. Dato' Sri melanjutkan program tersebut **sehingga 31 Disember 2020**.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak YBhg. Dato' Sri untuk mematuhi syarat dan peraturan berikut:

- 3.1 Memanjangkan surat kebenaran ini dan mendapatkan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
- 3.2 Tiada implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah terbabit.
- 3.3 Pihak sekolah mestilah patuhi **SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017))** dan **SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Semakan 2017))** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.
- 3.4 Mematuhi **SPI Bil.9/2004 (Panduan Penglibatan Murid-murid Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia)** berhubung dengan urusan dan penglibatan pihak sekolah, guru dan murid dengan pihak luar. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama (penambahan) **SPI Bil. 10/2011 (Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia)**. Antara perkara yang terkandung di dalamnya ialah:

KEBENARAN MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED - LEARN & EARN"
DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT)
UNTUK SEKOLAH DI NEGERI PERAK

21 Disember 2019

JPNPk.SP.KOKU600-3/1/11 (43)

- a) Tiada paksaan penyertaan ke atas murid dan guru.
- b) Murid tersebut mestilah sihat tubuh badan.
- c) Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat.
- d) Mendapat persetujuan/kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat.
- e) Penglibatan murid harus diiringi oleh guru sepanjang program/aktiviti berlangsung (keberadaan guru bersama murid).
- f) Memastikan urusan perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid diselaraskan bersama pihak sekolah yang terlibat.
- g) Penggunaan Jata Negara bagi memaklumkan kerjasama program/aktiviti ini dengan Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan sebarang logo berkaitan tidak dibenarkan untuk diletakkan di *backdrop*, *banner*, *sijil*, *cenderamata*, *kad jemputan* dan *buku program*.
- h) Kebenaran ini **tidak dibenarkan** bagi kegunaan berkaitan keuntungan dan bagi tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain bagi maksud komersial.

3.5 Kebenaran ini hanya tertakluk kepada permohonan yang dinyatakan dan akan **terbatal** sekiranya berlaku sebarang perubahan atau perkara-perkara yang bertentangan dengan Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

3.6 Pihak YBhg. Dato' Sri juga diminta untuk menghantar satu salinan laporan program/aktiviti kepada jabatan ini dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program/aktiviti sebagai bukti pelaksanaan dan permohonan pengiktirafan.

4. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai di jabatan ini, **Dr. Adlan bin Mohamed Yusof** (Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), JPN Perak) di talian 012-5404393/05-5015151.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MENUJU PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020"

Saya yang menandatangani amanah,


(DR. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI)
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"